

# Harta wakaf tidak boleh diambil semula

**HUKUM** *istibdal* (tukar ganti wakaf) pada asalnya tidak diharuskan melainkan sebahagian pendapat yang membenarkannya atas tujuan memberi manfaat kepada harta wakaf.

Pandangan itu dilontarkan **Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri** ketika menjawab persoalan tentang hukum tukar ganti harta wakaf.

"Perkara itu seharusnya dirujuk kepada pihak yang berautoriti dalam pengurusan harta wakaf.

"Namun, kami lebih cenderung supaya harta wakaf dipertahankan tetapi

untuk menyelesaikan masalah dengan mencari alternatif lain tanpa dijual harta wakaf tersebut," katanya dipetik dalam artikel *Al-Khafi* #1164: *Hukum Tukar Ganti Harta Wakaf* yang disiarkan menerusi portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Jelas beliau, menurut pandangan Mazhab Syafie, tidak harus *istibdal* masjid yang rosak ke tempat yang lain.

"Harta wakaf merupakan hak milik ALLAH SWT yang tidak boleh ditukar ganti. Ini merupakan pendapat yang asoh dalam mazhab ini.

"Adapun pendapat berlawanan dengan *asoh* mengharuskan jual beli



**DR MOHAMMAD NIDZAM**

sekiranya harta itu tidak dapat memberi manfaat dan menjualnya merupakan perkara yang lebih utama. Namun, jual beli itu mestilah dengan bertujuan untuk membangunkannya," ujar beliau.

Sementara itu, **Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir** menegaskan,

harta wakaf tidak boleh diambil semula oleh pewakaf atau warisnya.

"Cuma ada konsep *istibdal* wakaf iaitu ganti semula. Katakan wakaf surau, jadi gantikan dalam bentuk yang sama adalah lebih baik dan lebih tepat," katanya.



**DR ZULKIFLI**